



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/84/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PENCAHAYAAN LAMPU SISIRAN TASIK DI ZON 1, TAMAN  
BOTANI PUTRAJAYA, PRESINT 1, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dalam Gred G3 dan ke atas Kategori : ME – Pengkhususan E06 (Sistem Pencahayaan Khas) atau E11 (Kerja Am Elektrik)**
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **24 OKTOBER 2023 (SELASA)**, jam **10.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **24 OKTOBER 2023 (SELASA)** hingga **26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **31 OKTOBER 2023 (SELASA)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr. HASLINDA BINTI KHALID)

b.p. Naib Presiden  
Jabatan Landskap Dan Taman  
Perbadanan Putrajaya